

Ban Ki-moon Puji Usaha Asean Dalam Pendemokrasian Myanmar
Bernamea
23 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu Ban Ki-moon memuji usaha negara anggota Asean, termasuk Malaysia, dalam membantu proses pendemokrasian Myanmar ketika ini.

Beliau menyifatkan pendemokrasian Myanmar sebagai langkah betul kerana ia akan membawa kepada amalan demokrasi lebih meluas dan lebih kebebasan bagi pergerakan kemerdekaan dan bersuara.

Selepas enam dekad di bawah pemerintahan diktator tentera, Myanmar kini berusaha melaksanakan amalan demokrasi lebih dinamik di bawah pimpinan Presiden Thein Sein. Myanmar akan mengadakan pilihan raya kecil khas pada 1 April yang akan menyaksikan bekas tahanan politik Aung San Suu Kyi turut mengambil bahagian.

Myanmar juga telah mempelawa pasukan dari 25 negara dan Kesatuan Eropah untuk memantau pilihan raya khas untuk 48 kerusi Parlimen yang mempunyai sejumlah 664 anggota.

Dalam temu bual dengan Bernama semalam pada akhir lawatan dua hari beliau ke Malaysia, Ban juga memuji negara-negara Asean yang telah banyak menyumbang ke arah penyelesaian pertikaian di rantau itu.

Beliau juga memuji peranan yang telah dimainkan Malaysia sebagai fasilitator pihak ketiga dalam pertikaian kawasan antara Thailand dan Kemboja.

Malaysia, katanya juga telah memainkan peranan utama dalam rundingan antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro di Mindanao.

"Ini merupakan antara bidang penting yang negara Asean telah banyak membantu PBB (dalam menyelesaikan konflik)," katanya.

Mengenai Syria, Ban berkata PBB berazam untuk membantu rakyat Syria menangani krisis yang sedang dihadapi mereka supaya aspirasi sebenar mereka dapat dipulihkan secepat mungkin.

Dalam perkembangan terbaru mengenai Syria, Majlis Keselamatan PBB telah meluluskan pernyataan menyokong pelan damai untuk Syria yang diusahakan oleh bekas Setiausaha Agung PBB Kofi Annan, yang juga buat julung kalinya turut mendapat sokongan daripada China dan Russia.

Pernyataan itu yang diluluskan oleh kesemua 15 anggota Majlis Keselamatan, mengancam Syria dengan "langkah-langkah lanjut" tidak spesifik sekiranya ia gagal mematuhi pelan damai Annan, yang menggesa gencatan senjata dan desakan supaya memberikan akses dengan kadar segera kepada agensi-agensi bantuan untuk membantu kalangan mereka yang cedera.

Ban, ketika diminta menyenaraikan beberapa kejayaan yang telah dicapai oleh PBB selepas beliau mengambil alih jawatan daripada Annan pada 1 Jan, 2007, berkata: "Kami telah mencapai banyak kejayaan, tetapi juga berdepan beberapa kegagalan."

Beliau memberikan contoh peranan yang telah dimainkan PBB pada tahun lepas dalam membantu banyak rakyat di Tunisia, Mesir, Yemen dan Libya dalam merealisasikan impian dan aspirasi mereka untuk hidup dalam persekitaran bebas untuk bersuara dan berpersatuan, dan maruah diri mereka turut dijaga dan dilindungi.

Memberikan satu daripada contoh kejayaan itu, Ban berkata PBB berjaya membantu rakyat Cote D'Ivoire mengembalikan semula hak demokrasi mereka pada April 2011 selepas berbulan-bulan berjuang apabila penyandang presiden ketika itu Laurent Gbagbo, enggan berundur walaupun kalah kepada Alassane Ouattara dalam pilihan raya adil pada hujung 2010.

Dengan bantuan masyarakat antarabangsa, PBB berjaya memulihkan ketenteraman awam dan Outtara kemudiannya mengambil alih jawatan presiden pada 11 April tahun lepas.

"Ini merupakan satu contoh baik (hasil kerja kami)," kata Ban.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654492>